

**KAJIAN TERHADAP  
KEPERLUAN MAKLUMAT DI KALANGAN PELATIH  
INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI BELIA NEGARA  
(IKTBN)  
SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

**FAISHAL B. ABDUL RAZAK  
LS 20  
97404266**

Penyelidikan Akademik yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat (Kepujian)  
(Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat)

**FAKULTI PENGAJIAN MAKLUMAT  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
APRIL 2001**

## MUTIARA KATA

ALHAMDULILLIAH, syukur ke hadrat ALLAH s.w.t kerana dengan limpah rahmat serta izinNYA dapat saya menyiapkan projek penyelidikan ini. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada En. Husain Hashim selaku pensyarah penasihat di atas segala perhatian, tunjuk ajar dan panduan yang telah diberikan

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada Pengarah Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Sepang, Ir. Suntong Abdullah, kakitangan pentadbiran serta para pengajar yang telah membantu saya untuk menjayakan penyelidikan ini. Kepada para pelatih yang telah memberi kerjasama dalam menjawab soal selidik, kerjasama kalian amat dihargai.

Khas buat abah, emak, abang-abang, kakak-kakak dan adik-adik yang tidak pernah jemu memberi galakan dan dorongan sepanjang tempoh pengajian. Jasa dan budi kalian tidak akan dilupakan.

Tidak lupa ucapan jutaan terima kasih buat En. Saion dan En. Satar yang telah memberi kerjasama yang amat baik dalam usaha saya untuk menyiapkan penyelidikan ini. Buat sahabat-sahabat, ayie, shah, bad, bob, ustaz serta rakan-rakan yang lain, budi baik kalian akan dikenang selamanya.

Wassalam

FAR

*“yang baik semuanya datang dari ALLAH dan  
yang kurang datang dari kelemahan diri sendiri”*

**ISI KANDUNGAN****MUKASURAT**

Mutiara Kata	i
Isi Kandungan	ii
Senarai Jadual	v
Senarai Rajah	vii
Senarai Lampiran	ix
Abstrak	xi

**BAB 1: PENGENALAN**

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang IKTBN	2
1.2 Situasi Belia Masa Kini	3
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Penyelidikan	5
1.5 Objektif Penyelidikan	6
1.6 Kepentingan Penyelidikan	6
1.7 Batasan Penyelidikan	7
1.8 Definisi Istilah	7

## **ABSTRAK**

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengenal pasti keperluan maklumat di kalangan pelatih di Institut kemahiran Belia Negara, Sepang, Selangor Darul Ehsan. Objektif penyelidikan ini adalah untuk mengetahui jenis-jenis maklumat yang diperlukan, sumber-sumber untuk mendapatkan maklumat, koleksi-koleksi bahan yang diperlukan, perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan yang diperlukan dan masalah-masalah yang dihadapi dalam mendapatkan maklumat. Sebanyak 60 set atau borang soal selidik telah diedarkan dan sebanyak 56 set telah dikembalikan. Kaedah penganalisaan data yang diadaptasikan ialah deskriptif dan juga had peratusan. Diantara penemuan utama dalam penyelidikan ini ialah selain daripada maklumat akademik/ilmiah, kesemua responden memerlukan maklumat-maklumat lain. Sumber maklumat yang digunakan ialah para pengajar dan rakan-rakan. Koleksi-koleksi yang diperlukan ialah koleksi teknologi maklumat dan koleksi bahan pandang . Perkhidmatan perpustakaan yang diperlukan ialah perkhidmatan fotostat dan perkhidmatan teknologi maklumat. Diantara masalah-masalah yang dihadapi dalam mendapatkan maklumat ialah bahan-bahan tidak ‘up-to-date’, koleksi tidak lengkap dan waktu perkhidmatan perpustakaan yang tidak konsisten serta penggunaan perpustakaan untuk aktiviti-aktiviti lain yang menyebabkan perpustakaan ditutup. Pihak pengurusan institut perlu memikirkan tindakan yang sewajarnya untuk memperbaiki dan mempertingkatkan mutu perkhidmatan perpustakaan supaya dapat memenuhi keperluan maklumat para penggunanya dan mampu bergerak seiring dengan perkembangan dan kemajuan institut.

# **KAJIAN TERHADAP KEPERLUAN MAKLUMAT DI KALANGAN PELATIH INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI BELIA NEGARA (IKTBN), SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN.**

---

## **1.0 PENGENALAN**

Setiap individu di dunia ini memerlukan maklumat untuk melakukan apa-apa pekerjaan. Tanpa maklumat seseorang itu akan kehilangan arah tujuan dan akan mengakibatkan pembaziran tenaga masa dan wang. Seperti yang selalu diungkapkan “information is power”... pelatih Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (*selepas ini disebut IKTBN*) juga adalah diantara golongan yang memerlukan maklumat untuk melengkapkan diri mereka dengan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan bidang yang mereka pelajari dan juga untuk meluaskan pengetahuan am mereka.

Bila disebut maklumat, tempat yang sinonim dengannya adalah pusat maklumat atau perpustakan. Begitu juga di institut ini, terdapat sebuah perpustakaan yang termasuk dalam kategori perpustakaan khusus yang dikendalikan oleh seorang kakitangan berjawatan Pembantu Perpustakaan. Beliau adalah kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia yang ditugaskan ke tempat ini.